



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU) BILANGAN 2 TAHUN 2021

PUTRAJAYA, 24 Jun 2021 - YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) Bilangan 2 Tahun 2021.

Pengerusi turut mengucapkan **tahniah atas pelantikan 10 orang Anggota Individu Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya yang baru**. Lantikan ini adalah untuk **tempoh dua tahun dan berkuatkuasa mulai 1 Mei 2021 sehingga 30 April 2023**. Keanggotaan pada kali ini disifatkan sebagai keanggotaan yang seimbang. Anggota yang dilantik mewakili komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) seperti dari Zon Sabah dan Sarawak, ibu bapa OKU, kategori OKU seperti penglihatan, pendengaran dan fizikal, berpengalaman dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan dan teknologi maklumat. Selain daripada itu terdapat juga pakar-pakar berkaitan OKU yang dilantik seperti pakar psikiatrik, ortopedik, otorinolaringologi (ORL), pendidikan khas dan OKU pembelajaran, sukan paralimpik, dan pakar dalam bidang undang-undang terutama Akta Orang Kurang Upaya 2008. Adalah diharapkan barisan baru Anggota Individu MKBOKU pada kali ini akan dapat

meningkatkan lagi peranan Majlis ke arah membangun dan memperkasakan OKU (**Senarai Anggota MKBOKU seperti di Lampiran I**).

Mesyuarat Majlis pada hari ini juga secara dasarnya bersetuju dengan kertas pertimbangan cadangan pemasangan Sistem Pengumuman Bersuara (Audio) dalam Perkhidmatan Bas Awam. Kementerian Pengangkutan diminta untuk melihat perkara ini dengan lebih terperinci bagi meningkatkan aksesibiliti OKU terhadap perkhidmatan bas dan membolehkan mereka untuk hidup berdikari. Selain itu, Majlis juga bersetuju dengan kertas pertimbangan video Pesanan Khidmat Awam (PSA), Kempen Kesedaran Pendaftaran OKU hasil kerjasama MKBOKU dan FINAS. Penghasilan PSA ini adalah untuk meningkatkan advokasi kepada masyarakat mengenai kepentingan pendaftaran OKU.

Mesyuarat turut dibentangkan dengan senario semasa aksesibiliti Orang Kurang Upaya di Malaysia dan strategi penempatan dan pemeriksaan pekerjaan bagi golongan OKU. Perkongsian sebegini diharap dapat memberi panduan kepada pihak berkaitan untuk menambah baik perkhidmatan dan sokongan yang diberikan kepada OKU agar mereka mendapat hak yang sama dalam pelbagai aspek seperti ahli masyarakat yang lain.

Berhubung Program Pemberian Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi OKU, KPWKM ingin mengucapkan terima kasih atas kerjasama berterusan Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), YB Senator Datuk Ras Adiba Radzi, NGO OKU dan pihak berkaitan dalam meningkatkan advokasi dan aksesibiliti OKU bagi pendaftaran untuk mendapatkan suntikan vaksin.

Sebagai rekod sehingga 20 Jun 2021, seramai **280,904 OKU** telah mendaftar dalam **MY Sejahtera** dan daripada jumlah ini seramai **15,914 OKU** telah menerima suntikan pertama.


Bagi menyegerakan pemberian suntikan vaksin dan dalam masa yang sama menyantuni keperluan **OKU**, pihak kerajaan telah mewujudkan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) khusus kepada OKU dengan kerjasama NGO seperti *Malaysian Association for the Blind (MAB)*, Brickfields. **PPV pandu lalu juga telah beroperasi** di Sime Darby Plantation Tower, Ara Damansara bermula 16 Jun 2021 hasil kerjasama Persatuan OKU Sentral dengan KKM, MOSTI, Sime Darby dan JKM. **PPV pandu lalu ini adalah alternatif untuk memudahkan dan menyegerakan pemberian vaksin kepada komuniti OKU dengan hanya duduk di dalam kenderaan tanpa perlu keluar.** Lebih 16,000 OKU dan ahli keluarga telah mendaftar melalui pendaftaran google form bagi mendapatkan suntikan vaksin di PPV ini.


Semua inisiatif yang dilakukan ini adalah untuk memastikan **tiada siapa yang dipinggirkan termasuk OKU** dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Malah melalui respon yang positif di kalangan **OKU**, mereka juga mampu menyumbang bagi mempercepatkan proses vaksinasi kepada **80 peratus populasi rakyat negara ini dan seterusnya membentuk imuniti kelompok.**


####

Disediakan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Aras 18, No 55 Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya
03-8323177


**RINGKASAN PROFIL
 ANGGOTA (INDIVIDU) MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA
 BAGI TEMP OH 1 MEI 2021 – 30 APRIL 2023**


BIL.	NAMA	MEWAKILI KOMUNITI OKU/PAKAR BERKAITAN OKU	PEKERJAAN/ JAWATAN TERKINI/ PENGALAMAN KERJA/PENDIDIDIKAN	RINGKASAN LATAR BELAKANG CALON (PENGLIBATAN ATAU PENCAPAIAN DALAM PERSATUAN ATAU NGO /PROGRAM ATAU AKTIVITI KEMASYARAKATAN/ PENULISAN DAN SEBAGAINYA BERKAITAN OKU)
1.	<p>Wong Yoon Loong</p> 	OKU KATEGORI PENGLIHATAN	<p>Pekerjaan: Badan Bukan Kerajaan</p> <p>Jawatan Terkini: Pengurus Advokasi Penyelidikan dan Pengupayaan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia (NCBM) (2012-kini)</p> <p>Pengalaman Kerja: Pengetua Pusat Latihan Gurney, Persatuan Orang Buta Malaysia (2001-2006)</p> <p>Pendidikan: Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial, UM (1989)</p> <p>Sarjana Pendidikan, UM (2001)</p>	<p>Pencapaian dan Pengiktirafan:</p> <p>i. <i>Takeo Iwahashi Award (For distinguished Services to the visually handicapped in asia-Pacific) (2014)</i></p> <p>Penglibatan:</p> <p>i. Naib Presiden Gabungan Persatuan Orang Cacat Malaysia (MCD) (2015-kini)</p> <p>ii. <i>Executive Member Disabled People International Asia Pacific (2015-kini)</i></p> <p>iii. <i>Member World Council Disabled People International (2015-kini)</i></p> <p>iv. Ahli Jawatankuasa <i>Quality Life Care</i>, KKM di bawah MKBOKU (2019-2021)</p> <p>Sumbangan:</p> <p>i. Menyediakan SOP Juru Urut bagi Pembukaan Industri Urut OKU Penglihatan dalam Tempoh PKPB (2021)</p> <p>ii. Kod <i>Braille</i> Bahasa Melayu Pindaan 2020 (2020)</p> <p>iii. Menterjemah ASEAN <i>Enabling Masterplan 2025</i> ke dalam Bahasa Melayu (2019)</p> <p>iv. <i>Report on Inclusive Electoral Reform in Malaysia (2019)</i></p> <p>v. Menerbitkan Buku Cara Membantu dan Berinteraksi dengan Orang Kurang Upaya (2019)</p>


BIL.	NAMA	MEWAKILI KOMUNITI OKU/PAKAR BERKAITAN OKU	PEKERJAAN/ JAWATAN TERKINI/ PENGALAMAN KERJA/PENDIDIDIKAN	RINGKASAN LATAR BELAKANG CALON (PENGLIBATAN ATAU PENCAPAIAN DALAM PERSATUAN ATAU NGO /PROGRAM ATAU AKTIVITI KEMASYARAKATAN/ PENULISAN DAN SEBAGAINYA BERKAITAN OKU)
2.	<p data-bbox="297 395 517 451">Eamienor Zakiah binti Md. Zuki</p> 	OKU KATEGORI PENDENGARAN	<p data-bbox="801 395 943 451">Pekerjaan: Swasta</p> <p data-bbox="801 488 1323 608">Jawatan Terkini: Setiausaha Eksekutif Persekutuan Orang Pekak Malaysia (2013-kini)</p> <p data-bbox="801 644 1330 732">Pengalaman Kerja: Guru Sekolah Kanak-Kanak Pekak Selangor (2002-2013)</p> <p data-bbox="801 769 1279 825">Pendidikan: Sijil Politeknik Ungku Omar (2000-2002)</p>	<p data-bbox="1386 395 1778 424">Pencapaian dan Pengiktirafan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1386 427 2069 515">i. Wakil MFD ke <i>Capacity Building In International Conference Deaf Muslim (ICDM) di Hotel Istana Kuala Lumpur 2016</i> <li data-bbox="1386 552 2069 639">ii. Wakil MFD ke <i>Capacity Building in International Report Mechanism for The Organizations of Persons with Disabilities di Manila, Filipina 2017</i> <li data-bbox="1386 676 2069 732">iii. Wakil MFD Ke <i>ASEAN Disability Forum Conference di Manila Filipina 2017</i> <li data-bbox="1386 769 2069 888">iv. Wakil MFD ke <i>ASEAN Worksyop on Enchancing the Implementation and Reporting of The Convention on The Rights of Persons with Disabilities di Bangkok Thailand 2018</i>


BIL.	NAMA	MEWAKILI KOMUNITI OKU/PAKAR BERKAITAN OKU	PEKERJAAN/ JAWATAN TERKINI/ PENGALAMAN KERJA/PENDIDIDIKAN	RINGKASAN LATAR BELAKANG CALON (PENGLIBATAN ATAU PENCAPAIAN DALAM PERSATUAN ATAU NGO /PROGRAM ATAU AKTIVITI KEMASYARAKATAN/ PENULISAN DAN SEBAGAINYA BERKAITAN OKU)
3.	<p>Dr. Ruzimi bin Mohamed @ Mahmood</p> 	<p>i. OKU KATEGORI FIZIKAL</p> <p>ii. BIDANG KEUSAHAWANAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT</p>	<p>Pekerjaan: Sendiri</p> <p>Jawatan Terkini: Usahawan (Pengarah Ozel Sendirian Berhad)</p> <p>Pengalaman Kerja: Pengarah Imi Creative Solution (2012-kini)</p> <p>Ketua Pegawai Eksekutif Imi Creative Sdn Bhd. (2018-kini)</p> <p>Ketua Pegawai Eksekutif Ozel Sdn Bhd. (2020-kini)</p> <p>Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Sistem Maklumat), UTM</p> <p>Sarjana Keusahawanan Teknologi Maklumat, UTM Ijazah Doktor Falsafah Sains Komputer, 2019</p>	<p>Penglibatan:</p> <p>Aktif dalam pelbagai aktiviti dan suka membantu mana-mana persatuan / NGO / pihak kerajaan jika memerlukan bantuan dan khidmat beliau</p>


BIL.	NAMA	MEWAKILI KOMUNITI OKU/PAKAR BERKAITAN OKU	PEKERJAAN/ JAWATAN TERKINI/ PENGALAMAN KERJA/PENDIDIDIKAN	RINGKASAN LATAR BELAKANG CALON (PENGLIBATAN ATAU PENCAPAIAN DALAM PERSATUAN ATAU NGO /PROGRAM ATAU AKTIVITI KEMASYARAKATAN/ PENULISAN DAN SEBAGAINYA BERKAITAN OKU)
4.	<p data-bbox="297 427 481 483">Dr. Nor Hayati binti Ali</p> 	PAKAR PSIKIATRIK	<p data-bbox="801 395 943 451">Pekerjaan: Kerajaan</p> <p data-bbox="801 488 1104 544">Jawatan Terkini: Pakar Perunding Psikiatri</p> <p data-bbox="801 580 1238 638">Pengalaman Kerja: Pakar Perubatan Psikiatri (2000-kini)</p> <p data-bbox="801 675 1189 699">Pegawai Perubatan (1992-2000)</p> <p data-bbox="801 735 1283 823">Pendidikan: Sarjana <i>International Mental Health</i>, <i>The University of Melbourne</i> (2005)</p> <p data-bbox="801 860 1283 884">Sarjana Perubatan Psikiatri, UKM (2000)</p> <p data-bbox="801 920 1261 944">Ijazah <i>Doctor of Medicine</i>, UKM (1992)</p> <p data-bbox="801 981 1261 1037"><i>Fellowship Community Psychiatry</i>, <i>Uni. Melbourne & St. Vincent's</i> (2004)</p>	<p data-bbox="1386 395 1778 419">Pencapaian dan Pengiktirafan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1386 427 1980 483">i. <i>Distinguished Fellow for Pacific Rim College of Psychiatrists</i> (2018-kini) <li data-bbox="1386 491 2024 547">ii. <i>Task Force Member for APEC Digital Hub for Best Practices in Mental Health</i> (2016-kini) <li data-bbox="1386 555 2013 611">iii. Penasihat Teknikal KKM bagi program MENTARI (2016-kini) <p data-bbox="1386 647 1547 671">Penglibatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1386 679 1995 735">i. AJK Persatuan Kebajikan & Pendidikan Psikiatri Hospital Selayang (2012-kini) <li data-bbox="1386 743 2069 799">ii. <i>Life Member Malaysian Psychiatric Association</i> (2000-kini) <li data-bbox="1386 807 1935 863">iii. <i>Distinguished fellow Pasific Rim College of Psychiatrists</i> (2005-kini) <p data-bbox="1386 951 1552 975">Sumbangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1386 983 2024 1038">i. <i>Establishing a Nationwide Supported Employment Program via the MENTARI Program</i> (2016-kini) <li data-bbox="1386 1046 1861 1070">ii. Ahli JK Pendaftaran OKU (2010-kini) <li data-bbox="1386 1078 2036 1166">iii. <i>Subject Matter Expert</i> bagi bidang Psikiatri Rehabilitasi bagi Kolaborasi Intra dan <i>Inter-Ministry</i> (2005-kini)


BIL.	NAMA	MEWAKILI KOMUNITI OKU/PAKAR BERKAITAN OKU	PEKERJAAN/ JAWATAN TERKINI/ PENGALAMAN KERJA/PENDIDIDIKAN	RINGKASAN LATAR BELAKANG CALON (PENGLIBATAN ATAU PENCAPAIAN DALAM PERSATUAN ATAU NGO /PROGRAM ATAU AKTIVITI KEMASYARAKATAN/ PENULISAN DAN SEBAGAINYA BERKAITAN OKU)
5.	<p>Dato' Dr. Ramanathan Ramiah</p> 	PAKAR ORTOPEDIK	<p>Pekerjaan: Swasta</p> <p>Jawatan Terkini: Ketua Pegawai Eksekutif dan Pakar Ortopedik Yayasan Ipoh</p> <p>Pengalaman Kerja: Doktor Pakar Ortho di Hospital Kerajaan</p> <p>Pendidikan: MBBS (Kartanak Univesity) – 1983</p> <p>FRCS (Edinburgh) – 1992</p> <p><i>Ortho Specialist</i> – 2013</p>	<p>Penglibatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>i. Rotary Club G/Town (Reducing Obesity)(2017)</i> <i>ii. Rotary Club G/Town (Mental Health Project)(2018)</i> <i>iii. Fatimah Hospital (Lecturer ABT Autisme)(2019)</i>

BIL.	NAMA	MEWAKILI KOMUNITI OKU/PAKAR BERKAITAN OKU	PEKERJAAN/ JAWATAN TERKINI/ PENGALAMAN KERJA/PENDIDIDIKAN	RINGKASAN LATAR BELAKANG CALON (PENGLIBATAN ATAU PENCAPAIAN DALAM PERSATUAN ATAU NGO /PROGRAM ATAU AKTIVITI KEMASYARAKATAN/ PENULISAN DAN SEBAGAINYA BERKAITAN OKU)
6.	<p data-bbox="297 395 539 483">Dato' Dr. Siti Sabzah binti Mohd Hashim</p> 	<p data-bbox="562 395 779 483">PAKAR OTORINOLARINGOLOGI (ORL)</p>	<p data-bbox="801 395 943 453">Pekerjaan: Kerajaan</p> <p data-bbox="801 488 1335 576">Jawatan Terkini: Pakar Perunding Kanan, Ortorinolaringologi / Ketua Perkhidmatan ORL, KKM</p> <p data-bbox="801 611 1151 762">Pengalaman Kerja: i. Hospital Melaka ii. Hospital Klang iii. Hospital Kuala Lumpur iv. Hospital Alor Setar, Kedah</p> <p data-bbox="801 798 1272 885">Pendidikan: Sarjana Kepakaran Pembedahan ORL / Kepala leher (UKM)</p> <p data-bbox="801 920 1335 946">Program Sub Kepakaran (<i>Pediatric</i>) KKM/UK</p>	<p data-bbox="1386 395 1778 421">Pencapaian dan Pengiktirafan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1386 427 2002 485">i. Lantikan Ketua Perkhidmatan Ortorinolaringologi Kebangsaan (2014-2022) <li data-bbox="1386 491 2040 517">ii. Anugerah Khidmat Cemerlang Negeri Kedah (2015) <li data-bbox="1386 523 1928 549">iii. Darjah Setia DiRaja Kedah (DSDK) (2017) <li data-bbox="1386 555 1823 580">iv. Setia DiRaja Kedah (SDK) (2015) <li data-bbox="1386 587 1957 644">v. <i>Outstanding Public and Healthcare Award by Malaysian Society of ORL</i> (2016) <li data-bbox="1386 651 1767 676">vi. Lantikan Jusa Khas A (2018) <p data-bbox="1386 711 1554 737">Penglibatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1386 743 1980 801">i. Pengerusi <i>Ear and Hearing Care Programme</i>, Perkhidmatan ORL (2018 – 2021) <li data-bbox="1386 807 2069 865">ii. Pengerusi Jawatankuasa Implan Koklea Kebangsaan bagi OKU Pendengaran, KKM (2014 – 2021) <li data-bbox="1386 871 2047 944">iii. Pengerusi bagi AJK-AJK yang berkaitan dengan perkhidmatan ORL seperti latihan, ubatan dan lain-lain (2020) <p data-bbox="1386 979 1554 1005">Sumbangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1386 1011 2024 1069">i. Wakil KKM bagi Mesyuarat <i>Ear and Hearing Care</i> WHO, Beijing (2020 dan 2018) <li data-bbox="1386 1075 1935 1133">ii. Ahli Panel bagi Roadshow Garis Panduan Permohonan OKU di bawah JKM (2020)

BIL.	NAMA	MEWAKILI KOMUNITI OKU/PAKAR BERKAITAN OKU	PEKERJAAN/ JAWATAN TERKINI/ PENGALAMAN KERJA/PENDIDIDIKAN	RINGKASAN LATAR BELAKANG CALON (PENGLIBATAN ATAU PENCAPAIAN DALAM PERSATUAN ATAU NGO /PROGRAM ATAU AKTIVITI KEMASYARAKATAN/ PENULISAN DAN SEBAGAINYA BERKAITAN OKU)
7.	<p data-bbox="297 397 521 451">Datuk Dr. Yasmin binti Hussain</p> 	<p data-bbox="562 397 730 483">BIDANG PENDIDIKAN KHAS</p>	<p data-bbox="801 397 943 451">Pekerjaan: Swasta</p> <p data-bbox="801 488 1301 574">Jawatan Terkini: Dekan di <i>Faculty of Education and Liberal Studies, City University PJ</i></p> <p data-bbox="801 611 1339 697">Pengalaman Kerja: Guru - Kementerian Pendidikan Malaysia (10 tahun)</p> <p data-bbox="801 734 1256 788">Pensyarah – Kementerian Pendidikan Malaysia (21 tahun)</p> <p data-bbox="801 825 1267 879">Pengaruh <i>Southeast Asia Ministers of Education (SEAMEO SEN)</i> (4 ½ tahun)</p> <p data-bbox="801 916 1301 970">Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Khas, KPM (2 tahun)</p> <p data-bbox="801 1007 1352 1061">Pengaruh Bahagian Pendidikan Khas, KPM (2 tahun)</p> <p data-bbox="801 1098 1352 1184">Pendidikan: PHD <i>University of Manchester – Management in Special Education</i> (2000)</p> <p data-bbox="801 1220 1352 1291">MA <i>Western Michigan University UK – Special Education</i> (1992)</p> <p data-bbox="801 1311 1352 1343">BSC <i>Western USA – Special Education</i> (1991)</p>	<p data-bbox="1386 397 1778 419">Pencapaian dan Pengiktirafan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1386 424 1935 446">i. <i>Excellent Service Award</i> (2003,2010,2018) <li data-bbox="1386 451 1794 474">ii. Bintang Khidmat Terpuji (2007) <li data-bbox="1386 478 1727 501">iii. Darjah Seri Melaka (2015) <li data-bbox="1386 505 1868 528">iv. Darjah Pangkuan Seri Melaka (2017) <li data-bbox="1386 533 1899 555">v. Gold Medal (Reward) (2018,2019,2020) <p data-bbox="1386 608 1547 630">Penglibatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1386 635 1823 657">i. Penaung Persatuan Ikhlas (2020) <li data-bbox="1386 662 1861 684">ii. Penasihat Kehormat NASOM (2021) <li data-bbox="1386 689 1989 711">iii. Penaung Persatuan Pelbagai Kekacatan (2021) <p data-bbox="1386 764 1547 786">Sumbangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1386 791 2047 845">i. Naiktaraf sekolah dan kelas Pendidikan Khas (2017-2020) <li data-bbox="1386 850 1939 873">ii. Pendidikan dan kebajikan OKU(2013-2917) <li data-bbox="1386 877 2011 963">iii. Konvensyen Antarabangsa Pendidikan Khas Thailand, Malaysia, Indonesia,Jepun (2015,2017, 2020)

BIL.	NAMA	MEWAKILI KOMUNITI OKU/PAKAR BERKAITAN OKU	PEKERJAAN/ JAWATAN TERKINI/ PENGALAMAN KERJA/PENDIDIDIKAN	RINGKASAN LATAR BELAKANG CALON (PENGLIBATAN ATAU PENCAPAIAN DALAM PERSATUAN ATAU NGO /PROGRAM ATAU AKTIVITI KEMASYARAKATAN/ PENULISAN DAN SEBAGAINYA BERKAITAN OKU)
			Sijil Perguruan Maktab Perguruan Sultan Idris – Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Bahasa Inggeris) (1982)	
8.	<p>YH Dato' Sri Megat D. Shahrman bin Dato' Zaharudin</p> 	BIDANG SUKAN (PARALIMPIK)	<p>Pekerjaan: Swasta / Sendiri</p> <p>Jawatan Terkini: Pengarah Eksekutif, GIG Technology Holdings Sdn. Bhd.</p> <p>Pengalaman Kerja: Lembaga Pengarah, Mara Corporation (2020 – kini) Lembaga Pengarah, Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (2019 – kini) Founder Yayasan Hydrocephalus Negara (2018 – kini)</p> <p>Pendidikan: Diploma in Business Studies, Kolej Professional Mara (2001-2003)</p>	<p>Pencapaian dan Pengiktirafan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Special Talent Entrepreneur</i> (2018) ii. Pengurniaan Darjah Kebesaran SSAP (2017) iii. Pengurniaan Darjah Kebesaran SAP (2012) iv. Pengurniaan Darjah Kebesaran AMP (2007) <p>Penglibatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Presiden, Majlis Paralimpik Malaysia (2019-2023) ii. Presiden, Persatuan Sukan <i>Goalball</i> Orang Buta Malaysia (2019) iii. Pengerusi Pemegang Amanah, Yayasan <i>Hydrocephalus</i> Negara (2018) iv. AJK, <i>Blind Ball</i> (2019) <p>Sumbangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Yayasan <i>Hydrocephalus</i> Negara (pembedahan otak seramai 116 pesakit) – 2018 ii. Kejohanan Peringkat Kebangsaan (<i>Blind Ball</i>) – 2019 iii. Liga <i>Goalball</i> Peringkat Kebangsaan (Persatuan Sukan <i>Goalball</i> Orang Buta Malaysia) -2019

BIL.	NAMA	MEWAKILI KOMUNITI OKU/PAKAR BERKAITAN OKU	PEKERJAAN/ JAWATAN TERKINI/ PENGALAMAN KERJA/PENDIDIDIKAN	RINGKASAN LATAR BELAKANG CALON (PENGLIBATAN ATAU PENCAPAIAN DALAM PERSATUAN ATAU NGO /PROGRAM ATAU AKTIVITI KEMASYARAKATAN/ PENULISAN DAN SEBAGAINYA BERKAITAN OKU)
9.	<p>Dato' Maria Bernard @ Maria Sinsoi</p> 	<p>i. SABAH</p> <p>ii. BIDANG ORANG KURANG UPAYA</p>	<p>Pekerjaan: Pesara Kerajaan</p> <p>Pengalaman Kerja: Pengetua Taman Seri Putri, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (1983)</p> <p>Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat WP Labuan (1992)</p> <p>Pegawai Kanan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (1997)</p> <p>Ketua Penolong Setiausaha, Pegawai Pembangunan Masyarakat, KPWKM (2006)</p> <p>Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (2009)</p> <p>Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (2013)</p> <p>Pengarah, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, JKM (2019)</p> <p>Pendidikan: Bsc. (Hons) North East London, Polytechnic London, United Kingdom (Science) – 1983</p> <p>A Level, Southampton Technical College (1979-1980)</p>	<p>Pencapaian dan Pengiktirafan:</p> <p>i. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2019)</p> <p>ii. Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran YH Dato' (2017)</p> <p>iii. Kesatria Mangku Negara (MKN) (2013)</p> <p>iv. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (2012)</p> <p>v. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2003)</p> <p>Sumbangan: Sebagai Pengarah, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (2018-2020)</p>

BIL.	NAMA	MEWAKILI KOMUNITI OKU/PAKAR BERKAITAN OKU	PEKERJAAN/ JAWATAN TERKINI/ PENGALAMAN KERJA/PENDIDIDIKAN	RINGKASAN LATAR BELAKANG CALON (PENGLIBATAN ATAU PENCAPAIAN DALAM PERSATUAN ATAU NGO /PROGRAM ATAU AKTIVITI KEMASYARAKATAN/ PENULISAN DAN SEBAGAINYA BERKAITAN OKU)
10.	<p>Encik Francis Johen</p> 	<p>i. OKU KATEGORI FIZIKAL</p> <p>ii. SARAWAK</p> <p>iii. BIDANG UNDANG-UNDANG</p>	<p>Pekerjaan: Kerajaan Negeri Sarawak</p> <p>Jawatan Terkini: Majistret Mahkamah Bumiputera Sarawak (Sept. 2020 – Sept. 2021)</p> <p>Pegawai Tadbir Khas</p> <p><i>Senior Legal Advisor State Legal Department</i></p> <p>Timbalan Peguam Besar Negeri Sarawak</p> <p>Penasihat kepada Pertubuhan Orang Cacat Sarawak dan <i>Hon. Secretary, Sarawak Cheshire Home.</i></p> <p>Pengalaman Kerja: Hon. Setiausaha, Rumah Cheshire Sarawak, Kuching (sejak tahun 1998)</p> <p>Setiausaha, Pertubuhan Orang Cacat Sarawak (Setiausaha, Persatuan Orang Kurang Upaya Sarawak) (1993 - 2002) & (12 Mei 2007 - 26 Oktober 2013) (Pengerusi dari April 2003 hingga 12 Mei 2007)</p> <p>Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian), Universiti Malaya (1978)</p>	<p>Pencapaian dan Pengiktirafan:</p> <p>i. <i>State Welfare Volunteer Award</i> (Anugerah Khidmat Sosial Kebajikan Negeri Sarawak) (2003)</p> <p>ii. Tokoh Pekerja (Lelaki)(Kategori OKU),</p> <p>iii. (Pingat Perkhidmatan Bakti – P.P.B) (Sept. 1990)</p> <p>iv. Pegawai Bintang Kenyalang – P.B.K (Sept. 2000)</p> <p>v. Sijil Perkhidmatan Cemerlang (2000)</p> <p>vi. (Pingat Perkhidmatan Setia) (Dec. 2007)</p> <p>vii. Kesatria Mangku Negara (K.M.N) – dikurniakan pada 21 Ogos 2008</p> <p>viii. Johan Bintang Kenyalang (JBK) – 2009</p> <p>ix. Pegawai Contoh, Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (2009) (Professional & Managerial Group)</p> <p>x. Anugerah OKU Professional, Hari OKU & Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak (15 Dis 2013)</p> <p>xi. Johan Setia Mahkota (JSM) (2016)</p> <p>Penglibatan:</p> <p>i. Ahli Jawatankuasa, Majlis Kebangsaan Rumah & Perkhidmatan Cheshire, Malaysia (2003 - sekarang)</p>

BIL.	NAMA	MEWAKILI KOMUNITI OKU/PAKAR BERKAITAN OKU	PEKERJAAN/ JAWATAN TERKINI/ PENGALAMAN KERJA/PENDIDIDIKAN	RINGKASAN LATAR BELAKANG CALON (PENGLIBATAN ATAU PENCAPAIAN DALAM PERSATUAN ATAU NGO /PROGRAM ATAU AKTIVITI KEMASYARAKATAN/ PENULISAN DAN SEBAGAINYA BERKAITAN OKU)
				<ul style="list-style-type: none"> ii. Ahli Jawatankuasa Eksekutif, Majlis Kebajikan Masyarakat Sarawak (2000 - 2007) iii. Ahli Lembaga Pelawat, Pusat Rehabilitasi Samarahan (PPS) (2006 - 2012) iv. Ahli Lembaga Pengurusan, Bengkel Perlindungan Seri Sarawak (untuk orang kurang upaya) (2000 - 2005) v. Ahli Jawatankuasa, Majlis Kebajikan Kanak-kanak Sarawak (sejak 2004 - sekarang) vi. Ahli Wakil Persatuan Ortopedik Malaysia (POCAM) untuk kawasan Kuching) vii. Anggota (Individu) Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya 1 Januari 2015 – 31 Disember 2016)